

08 FEB 1998

Dana-Wanita

SUKU JUTA DIKUTIP PADA HARI PELANCARAN DANA EHSAN WANITA

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Sejumlah RM275,690 dalam bentuk wang tunai dikumpulkan pada hari pertama kaunter-kaunter "Dana Ehsan Wanita" dibuka hari ini.

Selain itu, kira-kira 2,000 wanita yang hadir pada majlis pelancaran itu turut berjanji akan menabung sejumlah RM265,000 lagi dalam dana itu, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Ketua Pergerakan Wanita Barisan Nasional Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang menyatakan rasa puas hatinya terhadap jumlah kutipan itu, berkata jumlah kutipan itu membuktikan kesungguhan wanita membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Ketika ditemui selepas majlis tersebut, Zaharah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata, dana itu akan ditadbirkan oleh syarikat pengurus dana bertauliah yang akan menentukan jenis-jenis pelaburan yang akan dibuat.

Sebagai permulaan, beberapa saham kaunter mewah dalam syarikat-syarikat terpilih sudahpun dikenal pasti tetapi pelaburan akan hanya dapat dilakukan apabila syarikat pengurus dana itu diluluskan penubuhannya oleh Suruhanjaya Sekuriti, katanya.

Zaharah bagaimanapun memberi jaminan bahawa pelaburan itu kelak akan membawa pulangan kepada para pelabur, sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun.

Jumlah minimum simpanan dalam dana itu ditetapkan pada RM100 seorang. Dana itu juga dibuka kepada golongan bukan wanita yang berusia 18 tahun ke atas.

Mengenai penubuhan badan khas yang akan mentadbir segala bentuk sumbangan yang akan didermakan oleh rakyat kepada negara yang diumumkan Dr Mahathir, Zaharah berkata, ia tidak bercanggah dengan penubuhan dana tersebut kerana sumbangan kepada badan itu adalah derma dan bukan bagi tujuan pelaburan atau simpanan.

Pergerakan itu menyokong apa juga bentuk tabung yang bermatlamat memulihkan ekonomi negara, katanya.

Lagipun, katanya, ia membuka ruang bagi rakyat untuk memilih sama ada mahu menyumbang kepada dana itu atau menderma harta benda mereka bagi kepentingan negara.

Zaharah berkata, Wanita Barisan Nasional akan mula menggerakkan jentera mereka di seluruh negara, bermula dengan Perak.

Mengenai nasihat Dr Mahathir agar tiada pertandingan merebut jawatan di peringkat bahagian Umno, Zaharah berkata, nasihat Perdana Menteri itu patut dipatuhi kerana anggota-anggota parti pada masa kini patut mengutamakan keutuhan politik negara bagi menangani masalah ekonomi dan bukan untuk bertanding merebut jawatan. -- BERNAMA

RA AKD